

15/04/1998

Pinjaman masih takat 70 peratus

SYARIKAT kewangan tempatan masih memberi kemudahan sewa-beli setakat 70 peratus bagi semua pembelian kenderaan baru, termasuk kereta berharga RM40,000 ke bawah, meskipun Jumaat lalu kerajaan menyatakan persetujuan menaikkan had pinjaman itu sehingga 85 peratus.

Alasan yang diberikan oleh syarikat kewangan kerana mengekalkan had pinjaman sedia ada ialah mereka belum menerima arahan atau 'hitam-putih' daripada Bank Negara berhubung syarat baru pinjaman itu.

Semua syarikat kewangan utama yang dihubungi Berita Harian semalam menyatakan, ketika ini mereka menyediakan pinjaman maksimum sehingga 70 peratus bagi setiap pembelian kenderaan baru, tanpa mengira harga.

Selain itu, syarikat kewangan terbabit mengenakan kadar faedah 10 peratus dengan tempoh bayaran balik sehingga lima tahun.

Antara syarikat kewangan utama yang dihubungi semalam termasuk Arab-Malaysian Finance Bhd (AMFB), BBMB Kewangan Bhd (BBMB Kewangan), Mayban Finance Bhd (Mayban Finance) dan Credit Corporation (M) Bhd (CCM).

Jumaat lalu, Perdana Menteri berkata, kerajaan bersetuju menaikkan had pinjaman bagi pembelian kenderaan berharga RM40,000 ke bawah sehingga 85 peratus, berbanding 70 peratus sekarang.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjelaskan keputusan itu dicapai pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) selepas menimbang rayuan pengusaha industri automobil menerusi satu memorandum kepada majlis itu.

Langkah itu, katanya, bertujuan membantu industri automobil tempatan yang menghadapi masalah akibat kegawatan ekonomi negara.

Mengenai kelayakan untuk mendapatkan kemudahan sewa-beli kenderaan, seorang jurucakap di BBMB berkata, peminjam mesti memastikan satu pertiga daripada pendapatan bersihnya tidak melebihi bayaran ansuran bulan.

Menurutnya, pihak syarikat terpaksa mengenakan syarat ketat selaras dengan senario ekonomi semasa yang menyaksikan ramai peminjam gagal membayar balik pinjaman, di samping mematuhi arahan pihak berkuasa.

Seorang sumber AMFB pula menyatakan, jika bayaran ansuran bulanan peminjam melebihi satu pertiga daripada pendapatannya, dia perlu mengemukakan penjamin yang juga perlu mematuhi syarat itu.

Sementara itu, Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom, Datuk Mohd Saleh Sulong, berkata kelonggaran had pinjaman bagi pembelian kenderaan berharga RM40,000 ke bawah dari 70 ke 85 peratus dijangka membantu meningkatkan pengeluaran kereta nasional bagi tahun kewangan bermula April ini hingga Mac 1999.

Ketetapan yang diputuskan kerajaan itu akan membuka pasaran yang lebih luas di peringkat domestik sekali gus menggalakkan pengeluaran lebih tinggi daripada jumlah minimum 120,000 unit yang dijadualkan sebelum ini.

"Keputusan kerajaan meningkatkan kadar pinjaman amat membantu dan ia dijangka dapat meningkatkan jualan serta pengeluaran, khususnya di pasaran domestik selain permintaan di luar negara," katanya di Shah Alam, kelmarin.

(END)